



EDISI
الْمَيْسِرُ MAIS

www.mais.gov.my

CAKNA FATWA



Hormat Fatwa

Ms 5

Narsistik Yang Merosakkan

Ms 8

Kejahilan Dalam Perceraian

Ms 9

Kata-Kata Hikmah

Jangan sesekali melakukan maksiat walaupun kecil kerana ditakuti maksiat yang kecil inilah menjadi kemurkaan Allah.

Dr. Che Mad



Apa itu Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah

Ms 17





DAULAT TUANKU

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU



DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah),
D.K. (Johor), D.K. (Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat

Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor

Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H

Sembah Takzim Daripada

**PENGERUSI, ANGGOTA-ANGGOTA DAN WARGA KERJA MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR,
JABATAN HAL EHWAH ISLAM SELANGOR, AGENSI DAN ANAK SYARIKAT MAIS**



TERAS
Teraiu Ekonomi Asnaf



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

YAYASAN ISLAM
DA'WAH SELANGOR

BAKTISUCI
HOLDINGS

f Majlis Agama Islam Selangor **mais_officialhq** **maisgovmy**

www.mais.gov.my



EDISI
Sidang Editorial

KETUA PENGARANG

Noormala binti Mohd Saad

PENGARANG

Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

EDITOR

Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF

Norzaili bin Taib

KOLUMNIS

Hamizul bin Abdul Hamid
Halim bin Mokhtar
Mohd Hafiz bin Abdul Salam

Hasal bin Senin

Shahrul Effendy bin Md Saat

Maryam binti Md Zain

Mohamad Shukry Bin Sulaiman

Mohammad Salleh Bin Abdul Saha

CAKNA FATWA

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Divisyen Syariah dan Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

- “
- A: Aku pegang mazhab Syafie. Dalam mazhab Syafie, mana ada zakat pendapatan.
 B: Habis tu, engkau tolak ke hukum zakat pendapatan?
 A: Ya. Aku tolak. Bagi aku, cukup sahaja bayar zakat yang dah jelas dalam mazhab Syafie.
 B: Oh, habis tu yang engkau bayar zakat fitrah guna duit boleh pula.
 A: Eh, itu... kan dah biasa.
 B: Jika engkau nak tahu, pendapat muktamad dalam mazhab Syafie, bayar zakat fitrah dengan makanan bukan duit.
- ”

Demikianlah. Atas pelbagai alasan, ramai orang merasakan mereka enggan mengikut fatwa semasa. Mereka lupa, mereka juga sebenarnya telah ‘berfatwa’ mengikut kehendak diri mereka sendiri. Akhirnya jadilah, “Tang ni, aku ikut pendapat ni. Tang tu, aku ikut pendapat tu.”

Fatwa bukanlah mainan. Ia hanya boleh dikeluarkan oleh ahli ilmu, yang menguasai nas dari al-Quran dan as-Sunnah, ijmak dan qiyas. Juga mampu memadukan kekuatan akal, serta menyesuaikannya dengan keperluan semasa.



Ingat, berdosa mengeluarkan fatwa tanpa ilmu. Nabi Muhammad SAW bersabda: *“Barang siapa memberi fatwa tanpa berdasarkan ilmu, maka dosanya ditanggung oleh orang yang memberi fatwa kepadanya.”* (Hadis riwayat Ibnu Majah)

Atas dasar itu, orang awam tidak dibebankan untuk berdalil dan berfatwa dalam serba-serbi amalannya. Orang awam boleh menyandarkan amalan mereka kepada fatwa yang telah dikeluarkan. Demi memahamkan umat, isu fatwa diangkat dalam Edisi kali ini. Selamat membaca.

MEMBEDAH FATWA

Masyarakat kita ada dua kategori. Golongan pertama, terlebih alim daripada mufti dan Jawatankuasa Fatwa; golongan kedua tidak kisah langsung tentang fatwa. Golongan pertama sering mempertikaikan fatwa. Golongan kedua, sering meringankan fatwa. Jadilah, golongan pertama berani menolak fatwa, misalnya menolak fatwa zakat pendapatan. Golongan kedua, mengabaikan fatwa, misalnya fatwa pengharaman rokok.

DEFINISI FATWA

Berkata Al-Imam al-Munawi (1031 h.), Wahbah az-Zuhaili (1436 H) dan Abdullah Abdul Muhsin al-Turki:
Fatwa adalah jawapan dari seorang mufti apabila diajukan soalan kepadanya atau penjelasan bagi hukum.

Oleh itu, fatwa ialah, keputusan tentang sesuatu hukum agama (yang belum pernah diputuskan lagi) berdasarkan nas al-Quran, hadis, dan sumber hukum lain, termasuk ijtihad oleh mufti (atau mereka yang berwenang tentang keputusan hukum syarak).

Dalam konteks hari ini, fatwa yang perlu dipatuhi adalah fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (JKFNS), berpandukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

OBJEKTIF FATWA

Fatwa yang dikeluarkan oleh JKFNS adalah untuk menyelaraskan pemahaman dan pengamalan Islam di kalangan umat Islam. Ini kerana, ada banyak pendapat fiqah dalam sesuatu isu. Jika tiada satu ketetapan fatwa rasmi, maka ia boleh merosakkan perpaduan umat Islam.

Misalnya dalam isu pengamalan tahlilan, talqin dan bacaan Yaasin malam Jumaat, fatwa rasmi menyatakan ia bukanlah bid’ah yang sesat. Ia dapat meredakan polemik yang kian memanas dalam masyarakat.

KONSEP FATWA

Fatwa dikeluarkan demi merungkai persoalan kepada umat Islam. Misalnya, apabila ada persoalan status pelaburan dalam mata wang kripto, maka fatwa mengenainya harus dikeluarkan dengan segera. Ini kerana, ia menyangkut paut aspek kehalalan dan juga kesan zakat ke atasnya.



FATWA DAN PEMERINTAHAN

Umat Islam hendaklah sedar bahawa biar pun banyak fatwa yang terdapat dalam sesuatu isu, namun apabila ada fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh JKFSNS, maka ia menjadi 'tali' yang mengikat semua pendapat itu. Baharulah kesatuan ummah akan terhasil.

PRINSIP PENGGUBALAN FATWA**1**

Ketetapannya adalah untuk memenuhi maslahat ummah terbanyak. Sebab itulah fatwa zakat pendapatan misalnya diwajibkan, kerana dengan melaksanakannya ia memberikan manfaat yang sangat besar kepada umat Islam.

2

Ketetapan fatwa pemerintah mengangkat khilaf atau pertikaian kalangan umat. Jika tidak ada suatu ketetapan yang boleh dipegang, maka umat Islam akan terus bertegang urat mempertahankan pandangan masing-masing.

3

Fatwa juga mesti bersifat responsif dan memenuhi keperluan. Maka, fatwa yang dikeluarkan adalah demi melepaskan umat dari belenggu kesalah-fahaman dengan segera.

4

Fatwa juga boleh berubah mengikut keperluan zaman dan tempat. Maka, sebab itu fatwa di negara kita mengambil kira keperluan setempat, misalnya fatwa harta sepencarian yang tidak wujud di negara lain tetapi ada di negeri kita.

PENGELUARAN FATWA

Fatwa dikeluarkan apabila adanya keperluan, sama ada atas permintaan pihak masyarakat umum, atau atas justifikasi JKFSNS sendiri, ataupun atas arahan daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor selaku Ketua Agama Islam di negeri ini.

Umat Islam sebenarnya boleh mengajukan permintaan sesuatu fatwa dengan menulis surat dan dialamatkan kepada Mufti mengenai sebarang persoalan yang belum muktamad atau atas sebarang isu yang boleh menimbulkan kontroversi berkaitan dengan hukum syarak.

KESIMPULAN

Fatwa yang dikeluarkan bukanlah bersifat semberono. Ia mempunyai tujuan yang baik, iaitu mengelakkan perpecahan dalam kalangan umat Islam. Selain itu, fatwa juga bertanggungjawab memacu kehidupan umat Islam menjadi lebih baik lagi pada masa hadapan. Sebab itu fatwa wajib ditaati.

Edisi



TAWARAN SEWAAN

2 UNIT LOT PEJABAT

PUSAT KOMERSIAL SEKSYEN 7, SHAH ALAM

JALAN PLUMBUM N7/N
SEKSYEN 7, SHAH ALAM

TINGKAT 1
1,651 KAKI PERSEGI
RM2,500.00 SEBULAN

TINGKAT 2
1,651 KAKI PERSEGI
RM1,500.00 SEBULAN

2 UNIT LOT PEJABAT SABAK BERNAM

JALAN MAHSURI
SABAK BERNAM

UNIT 2,072 KAKI PERSEGI (TINGKAT 3)
1C RM950.00 SEBULAN

UNIT 1,730 KAKI PERSEGI (TINGKAT 3)
3C RM800.00 SEBULAN

Terus whatsapp atau hubungi kami di
019-2640631 / 019-2302040 atau 03-55143400 samb 2187



 Majlis Agama Islam Selangor  mais_officialhq  maisgovmy

www.mais.gov.my

HORMAT FATWA

Oleh: Maryam Binti Md Zin (maryam@jais.gov.my)
Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan, JAIS

Fatwa ialah penjelasan tentang hukum syarak oleh Mufti bagi sesuatu masalah sebagai jawapan bagi soalan yang ditanya. Apabila terdapat persoalan dan kemusyikan mengenai sesuatu hukum dalam Islam, Mufti akan mengeluarkan fatwa sebagai jawapan terhadap persoalan tersebut.

Rasulullah SAW merupakan mufti pertama dalam sejarah fatwa yang menjelaskan hukum berlandaskan wahyu Allah SWT. Baginda merupakan manusia yang paling cerdas akalnya dan paling layak mengeluarkan fatwa serta perakuan wahyu akan menjadi penentu terakhir dalam menentukan sesuatu hukum.

Selepas Rasulullah SAW wafat, fatwa sahabat disandarkan kepada beberapa perkara yang berlaku ketika Rasulullah SAW masih hidup. Sekiranya terdapat perselisihan sahabat, fatwa masih tidak bercanggah kerana ia dikira sebagai ijma' para sahabat.

Fatwa pada zaman tabi'in (bermula dari tarikh peralihan kuasa pemerintahan Muawiyah ibn Abi Sufyan pada tahun 41H), fatwa telah memperlihatkan beberapa perkembangan kerana desakan realiti kehidupan umat Islam pada masa tersebut.

Apabila berlakunya perluasan tanah jajahan taklukan Islam yang mempunyai latar belakang kehidupan, kedudukan sosial dan adat resam yang berbeza-beza maka lahirlah hukum-hukum baru hasil daripada percambahan ijtihad para ulama tabi'in.

Masa dan zaman peralihan terus berlalu serta penyebaran agama Islam semakin berkembang ke seluruh dunia. Fatwa dalam konteks hari ini ialah fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh mufti dan institusi agama yang diberi kuasa oleh pemerintah (*ulil al-amri*) untuk berijtihad dalam bentuk fatwa semasa sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa. Pendekatan ijtihad semasa banyak dilakukan secara kolektif berbanding secara individu.

Di Malaysia, Perlembagaan Persekutuan pada Senarai II Jadual Kesembilan menyatakan hukum dan doktrin syarak letaknya di bawah pentadbiran Negeri, maka ketua agama Islam Negeri-negeri telah melantik Mufti yang bertindak sebagai pengurus bersama ahli jawatankuasa fatwa melaksanakan peranan memutuskan fatwa di peringkat Negeri sama ada fatwa tersebut diwartakan ataupun tidak.

Di peringkat kebangsaan ia dilaksanakan oleh Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan (juga dikenali sebagai Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia) yang terdiri daripada para Mufti setiap negeri, pakar akademik dan sarjana hukum.

Jawatankuasa fatwa Negeri-negeri meneruskan kesinambungan mengeluarkan fatwa berdasarkan Al-Quran, Sunnah dan Ijma' berdasarkan sesuatu isu atau masalah realiti yang berlaku dalam kehidupan harian masyarakat menggunakan kaedah ijtihad berdasarkan maqasid syariah dengan mengambil kira adat kebiasaan, persekitaran dan keperluan masyarakat.

Mereka juga mengambil kira kesan yang bakal berlaku sekiranya sesuatu hukum itu difatwakan kepada masyarakat sama ada ia akan memberi kesan positif atau negatif. Oleh sebab itu jawatankuasa fatwa akan melakukan pertimbangan secara terperinci antara kebaikan (*maslahah*) dan keburukan (*mafsadah*) mengenai sesuai isu dengan mengambil pendekatan sederhana (*wasatiyyah*) dalam penelitian hukum kerana mengikut jalan majoriti ulama' Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang sentiasa sederhana dalam memberikan pandangan dalam berijtihad.

Jawatankuasa ini melakukan konsultasi ilmiah terhadap isu yang berlaku dengan mengambil maklumat dari pakar dalam bidang masing-masing sama ada pakar dalam ilmu teras agama maupun pakar dalam ilmu moden. Kombinasi antara kepakaran ini akan menghasilkan fatwa yang realistik dan efektif.

Justeru, umat Islam pada hari ini perlu menghormati fatwa serta menghindarkan diri dari memberikan pendapat secara terbuka seolah-olah menghina fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri-negeri sehingga menimbulkan sebarang polemik yang boleh menimbulkan kegelisahan dan mengganggu keharmonian masyarakat. **Edisi**



URUS NIAGA BERSAMA SYARIKAT NON MUSLIM YANG MENYALURKAN KEUNTUNGAN BAGI PERKEMBANGAN AGAMA SELAIN ISLAM

Oleh: Mohamad Shukry Bin Sulaiman (shukry@muftiselangor.gov.my)
Ketua Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor

Menjadi lumrah dalam kehidupan searian, manusia berurusan di antara satu sama lain bagi memenuhi keperluan masing-masing. Demi memenuhi keperluan, manusia melakukan aktiviti jual beli, hutang dan lain-lain. Ke semua aktiviti ini dirangkum dan dinamakan sebagai muamalah. Islam sebagai agama yang lengkap dan sesuai kepada semua bangsa dan lapisan masyarakat telah meletakkan asas di dalam perkara yang berkaitan muamalah ini. Hal ini bertepatan dengan mafhum firman Allah:

Dan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba
(Surah al-Baqarah: 275)

Hukum di dalam isu yang berkaitan dengan muamalah ini sebagianya bersifat fleksibel kerana sifatnya yang dinamik dan berkembang dari masa ke masa. Namun meskipun bersifat fleksibel, hukum-hakam berkaitan muamalah tidak boleh dikesampingkan sembarangan agar tidak menimbulkan kerugian atau kemudharatan pada masyarakat.

Secara umumnya, Islam tidak melarang untuk kita melakukan urusan jual beli bersama dengan orang bukan Islam selagimana ianya tidak menimbulkan fitnah. Hal ini bertepatan dengan firman Allah di dalam surah al-Mumtahanah ayat 8 yang menyatakan, Allah tidak melarang untuk kita berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang bukan Islam yang tidak memerangi orang Islam. Selain itu, terdapat juga kisah di dalam hadis yang menceritakan bawanya nabi pernah menggadaikan baju perangnya kepada yahudi untuk membeli gandum.

Keharusan ini tidak tertakluk kepada transaksi jual beli sahaja bahkan termasuk juga dalam perkhidmatan seperti bekerja untuk majikan yang bukan Islam. Ibn Qudamah merekodkan bahawa Ali r.a. pernah bekerja dengan orang Yahudi untuk mengairi kebun tamarnya dengan upah buah tamar. Kemudian Ali r.a. menemui Rasulullah SAW dan memberikan tamar tersebut kepada baginda lalu baginda memakannya. Berdasarkan dalil ini, hukum bermuamalah bersama orang bukan Islam adalah diharuskan.

Walau bagaimanapun, Islam melarang umatnya saling membantu di dalam perkara batil. Mafhumnya firman Allah SWT:

Dan tolong-menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan takwa, dan jangan tolong menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran.

(Surah al-Maidah: 2)

Di dalam urusan yang berkaitan dengan agama lain, majoriti fuqaha' berpandangan bahawa haram bagi orang Islam untuk terlibat dalam urusan yang asalnya harus tetapi kesannya membawa kepada perkara haram seperti melakukan urus niaga dengan syarikat yang menyalurkan keuntungannya untuk perkembangan agama selain Islam, berwakaf untuk pembinaan gereja dan menjual anggur kepada penjual arak.

Di samping itu, agama juga melarang umatnya melakukan perkara yang boleh membawa kepada kejahanatan dan kemaksiatan. Mafhumnya firman Allah SWT:

Dan janganlah kamu melakukan kerusakan di muka bumi sesudah (Allah) memperbaikinya

(Surah al-Araf: 56)

Anjuran untuk menghilangkan kemudharatan ini juga dikuatkan dengan hadis Nabi SAW, mafhumnya:

Tidak boleh ada mudarat dan tidak boleh memudaratkan

(Riwayat Ibn Majah, no 2341)

Oleh itu, seorang Muslim tidak boleh melakukan sesuatu perbuatan yang boleh membawa kepada kemudharatan dan kemaksiatan meskipun ia bersifat harus pada asalnya. Ini kerana, kemudharatan itu lebih utama untuk dihilangkan seperti kaedah fiqh yang menyatakan "kemudharatan hendaklah dihilangkan".

Kesimpulannya, hukum bermuamalah dengan syarikat bukan Islam pada asalnya adalah diharuskan dengan syarat bukan dalam perkara maksiat atau perkara yang menjurus kepadanya termasuklah perkara yang boleh mengganggu ketenteraman dan sensitiviti umat Islam. Sekiranya sebuah syarikat itu menyalurkan keuntungannya untuk aktiviti perkembangan agama selain Islam, ia mampu menimbulkan kebimbangan dan keresahan dalam kalangan umat Islam serta menggugat akidah umat Islam di Malaysia. Oleh itu, umat Islam dilarang melibatkan diri dalam aktiviti urus niaga atau mempromosikan syarikat yang menyalurkan keuntungannya untuk perkembangan agama selain Islam. **Edisi**

“PROSES PENYEDIAAN FATWA DI NEGERI SELANGOR”

Oleh: Hasal Bin Senin (hasal@mais.gov.my)
Pembantu Eksekutif ,Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS

Pada zaman mutakhir ini, pelbagai isu berhubung dengan penentuan hukum Syarak timbul di kalangan masyarakat Islam. Pengeluaran fatwa oleh institusi fatwa merupakan satu mekanisme penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan isu-isu tersebut. Fatwa bukan sahaja menjadi pembimbing kepada rakyat dan masyarakat, malah juga panduan kepada pemerintah. Justeru, fatwa adalah kegiatan penting yang membentuk pemikiran dan kepercayaan umat Islam di alam Melayu dan Negara ini dalam semua aspek kehidupan merangkumi akidah, syariah dan akhlak.

Di Malaysia, institusi mufti dan fatwa merupakan institusi agama yang mempunyai peranan dan tanggungjawab tersendiri untuk menyelesaikan persoalan berhubung hukum Syarak serta menjelaskan kesamaran dan kekeliruan berkaitan sesuatu perkara baru (*ahkam al-nawazil al-fiqhiah al-mua'sirah*). Institusi ini juga diberi kuasa dan tanggungjawab di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Negeri untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dan Sultan/Raja selaku ketua agama Islam bagi Negeri-Negeri mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam dan hukum Syarak, khususnya atas apa-apa persoalan yang belum diselesaikan atau yang menimbulkan pertikaian mengenai atau berhubungan dengan hukum Syarak. Ini adalah selaras dengan kedudukan Islam yang telah dimartabatkan sebagai agama bagi Persekutuan semasa pembentukan Malaysia.

Keluaran **EDISI MAIS** pada kali ini akan menerangkan mengenai Tatacara Pembuatan Fatwa di Negeri Selangor seperti penerangan berikut;

| BIL | TATACARA | KETERANGAN |
|-----|----------------------------|--|
| 1 | Permohonan | Permohonan daripada agensi kerajaan, swasta atau individu untuk mendapatkan sesuatu fatwa bagi isu-isu baharu. |
| 2 | Menjalankan Kajian | Sekiranya isu baharu, maka kajian akan dilaksanakan dan seterusnya menyediakan kertas kerja untuk dibentangkan dalam mesyuarat. |
| 3 | Pelaksanaan Mesyuarat | Mufti akan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa untuk membincangkan isu tersebut dan membuat keputusan. |
| 4 | Pemakluman kepada MAIS | Mufti akan membentangkan keputusan fatwa dalam Mesyuarat MAIS. |
| 5 | Memohon Perkenan | Selepas menimbang teliti sesuatu fatwa (sekiranya diwartakan), MAIS akan membuat syor kepada D.Y.M.M. Sultan Selangor untuk mendapat perkenan pewartaan. |
| 6 | Pemakluman kepada Kerajaan | Setelah diperkenan oleh D.Y.M.M. Sultan Selangor, MAIS hendaklah memaklumkan fatwa tersebut kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. |
| 7 | Pewartaan | Setelah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri, fatwa tersebut hendaklah disiarkan dalam warta. |

Semoga dengan penerangan mengenai Tatacara Pembuatan Fatwa di Negeri Selangor ini semua pihak akan lebih cakna dan prihatin tentang sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Mufti Selangor khususnya dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan umumnya seterusnya mengambil langkah yang sewajarnya dengan mematuhi dan menghormati keputusan fatwa yang telah diwartakan.

Moga bermanfaat dan asbab kebaikan. **Edisi**

NARSISTIK YANG MEROSAKKAN

Oleh: Mohd Hafiz Bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)
Ketua Pusat Penyelidikan, MAIS

Apakah maksud narsistik yang sebenarnya? Pernahkah anda mengenali seseorang individu narsistik? Secara umumnya narsistik bermaksud individu yang terlalu mengagumi diri sendiri atau keakuan yang melampau. Menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka, narcissism atau narcissisme bermakna perihal atau keadaan terlalu memuja atau mengagumi diri sendiri.

Narsistik adalah sejenis gangguan personaliti di mana seseorang individu itu mempunyai rasa kepentingan terhadap dirinya sendiri sahaja. Mereka hanya mahukan perhatian yang mendalam terhadap diri mereka selain kurang berasa empati terhadap diri orang lain.

PUNCA

Terdapat beberapa faktor risiko yang membolehkan seseorang itu mengalami gangguan narsistik. Menurut kajian, orang lelaki lebih mudah mengalami gangguan personaliti ini berbanding wanita. Tidak dapat dipastikan dengan jelas apakah yang menjadi punca sebenar kepada kewujudan gangguan ini, namun para penyelidik percaya bahawa ia berlaku disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

- ⦿ Mengalami trauma atau peristiwa silam semasa zaman kanak-kanak
- ⦿ Hubungan pada peringkat awal dengan ahli keluarga, rakan dan juga saudara-mara
- ⦿ Faktor genetik keluarga
- ⦿ Sifat peribadi seseorang
- ⦿ Kritikan secara melampau yang dilalui semasa zaman kanak-kanak
- ⦿ Faktor neurobiology

CIRI-CIRI

Seseorang individu yang mempunyai sifat narsistik ini amat mudah untuk dikenali. Ini kerana, terdapat beberapa perkara atau ciri yang sangat jelas, yang membezakan dirinya dengan orang lain. Berikut adalah beberapa ciri utama yang menunjukkan seseorang itu adalah individu narsistik.

- ⦿ Berasa diri sendiri lebih penting
- ⦿ Kerap berasa bahawa diri sendiri adalah lebih baik daripada orang lain.
- ⦿ Rasa bahawa diri sendiri adalah seperti golongan atasan dan hanya layak bergaul dengan golongan tersebut sahaja
- ⦿ Memerlukan pujian setiap masa daripada orang lain
- ⦿ Rasa mempunyai hak walaupun tidak mempunyai hak ke atas sesuatu
- ⦿ Sanggup untuk mengambil kesempatan ke atas orang lain demi mencapai tujuan dan matlamat peribadi
- ⦿ Kurang memahami individu lain atau kurang bersifat empati dalam memahami perasaan orang lain
- ⦿ Bersikap somborg atau memandang rendah kepada orang lain



KESAN

Terdapat beberapa kesan atau komplikasi yang boleh berlaku sekiranya seseorang itu terus mempunyai sifat narsistik ini. Antara kesan yang boleh dialami ialah:

- ⦿ Kurang mendapat rakan kerana **rakan-rakan** akan semakin menjauh
- ⦿ Mempunyai masalah dalam **perhubungan bersama pasangan**
- ⦿ Mengalami tekanan dan keresahan yang berpanjangan
- ⦿ Mempunyai masalah di **tempat kerja**
- ⦿ Penyalahgunaan dadah atau masalah berkaitan alkohol

PENGAWALAN

Justeru di dalam Islam, kita sebagai keluarga, saudara atau rakan kepada mereka yang mempunyai sikap narsistik ini adalah berperanan untuk membendung dan mengelakkan penyakit ini menjadi lebih teruk lagi. Di antara kaedah pengawalan yang boleh diterapkan adalah:

1. **Jauhkanlah dari berdebat tentang siapa yang salah atau betul** – Perbincangan dan perdebatan berkaitan perkara tersebut akan tiada kesudahannya.
2. **Jadilah pendengar yang baik** – Keraplah bercerita tentang perkara/aktiviti yang disukai agar ia tidak fokus hanya kepada dirinya sahaja.
3. **Kerap puji kebaikan yang dilakukan terhadap orang lain** – Kerap memuji kebaikan dapat mengajar mereka untuk berbuat baik kepada sesama manusia
4. **Tunjukkan rasa simpati terhadap apa yang sedang mereka lalui** – beri solusi dan kaedah penyelesaian masalah.

Secara kesimpulannya, orang narsistik yang diakibatkan oleh gangguan keperibadian narsistik biasanya menunjukkan perilaku somborg, tiada simpati terhadap orang lain, haus akan puji-pujian, sikap manipulatif dan menuntut sesuatu tanpa menghargai perasaan orang lain.

Justeru, sebagai ahli keluarga dan saudara sesama Islam hendaklah kita membantu golongan ini untuk pulih atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kesan penyakit tersebut. **Edisi**

KEJAHILAN Dalam PERCERAIAN

Disusun oleh: Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS

Rujukan:

<http://kelantan.jksm.gov.my/jksn/index.php/pustaka-media/percerai>

<https://muftiwip.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4208-al-kafi-1619-kalau-nak-cerai-sangat-cerailah>

[http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/23.09.2016%20\(RUMI\)%20MENITI%20RUMAHTANGGA%20BAHAGIA.doc.pdf](http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/23.09.2016%20(RUMI)%20MENITI%20RUMAHTANGGA%20BAHAGIA.doc.pdf)

Perceraian. Perceraian dalam institusi kekeluargaan adalah bukan satu keinginan dalam membina sesebuah keluarga yang bahagia. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa menjaga hubungan kekeluargaan agar ia menjadi suatu mimpi indah bagi seorang suami dan isteri dalam melayari bahtera keluarga.

Keunggulan sesebuah institusi keluarga itu adalah dengan melaksanakan penghayatan Islam yang menyeluruh untuk setiap ahli keluarganya. Ketua keluarga iaitu seorang suami hendaklah menjadikan Islam sebagai panduan dan acuan dalam kehidupan yang meliputi perekonomian, sosial dan pembinaan sahsiah.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 208:

"Hai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu."

Berbalik kepada perihal perceraian. Perceraian yang kebiasaannya berlaku di negara Malaysia ialah cerai melalui lafaz talak yang hanya boleh dibuat oleh seorang suami. Antara punca-punca berlakunya perceraian adalah:

- 1 Tidak menghayati tujuan dan matlamat perkahwinan dalam Islam
- 2 Gagal mengurus perbezaan pendapat dan fahaman antara suami dan isteri
- 3 Campur tangan orang lain dalam rumah tangga
- 4 Tiada kematangan dalam mendirikan rumah tangga

Seterusnya lafaz talak. Lafaz talak terbahagi kepada dua sama ada secara jelas (sarih) atau kiasan (kinayah). Disebut dalam kitab *al-Fiqh al-Manhaji* (2/116-118):

"Lafaz yang digunakan, yang menunjukkan maksud talaq secara jelas dan tidak dapat diandaikan kepada maksud lain, dinamakan lafaz nyata. Sementara lafaz yang tidak menunjukkan maksud talaq secara jelas, boleh diandaikan dengan maksud yang lain selain talaq. Ia dinamakan lafaz kiasan."

"Lafaz yang nyata juga termasuk terjemahan lafaz talaq dalam bahasa lain selain daripada bahasa Arab berdasarkan penggunaannya yang lumrah dalam masyarakat sebagaimana lafaz talaq yang biasa digunakan oleh orang Arab."

Oleh itu, dalam kehidupan berumah tangga, perkara berkaitan dengan perceraian ini perlu dititikberatkan agar perkara-perkara yang boleh memusnahkan sesebuah institusi kekeluargaan itu tidak akan berlaku. Jangan kita dilihat sebagai jahil dalam institusi rumah tangga.

Islam tidak menggalakkan perceraian berlaku. Umat Islam dikehendaki menghayati hikmah di sebalik perkahwinan dalam Islam dengan adanya elemen positif seperti ketenangan, kebahagiaan, kemesraan, pemeliharaan iman dan seterusnya menjadikan perkahwinan itu sebagai suatu ibadah yang dituntut dalam Islam.

Di Negeri Selangor, institusi yang bertanggungjawab menentu sahkan perceraian masyarakat yang beragama Islam ialah Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). Kini JAKESS telah melaksanakan proses cerai yang dinamakan *Fast Track*. Pasangan yang mencapai persetujuan bersama untuk bercerai tidak perlu lagi menunggu 90 hari bagi menyelesaikan kes mereka. Sebaliknya, proses itu diselesaikan kurang enam jam untuk proses perceraian. Untuk maklumat lanjut boleh layari www.jakess.gov.my.

Akhirnya, perceraian itu bukanlah suatu pengakhiran dalam hidup rumah tangga. Apa yang paling penting bagi kita adalah sikap bertolak ansur antara satu sama lain dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab perlu diterapkan dalam kehidupan seharian. Dengan cara sebegini, kebahagiaan dan keharmonian dalam rumah tangga akan terus dapat dikekalkan, insyaAllah.

Wallaualam. **Edisi**



Sebarang pertanyaan atau pandangan, sila hubungi:

Bahagian Undang-Undang Syariah, Sektor Undang-Undang, Majlis Agama Islam Selangor

Tingkat 6, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, 40000 Shah Alam, Selangor.

Tel: 03-5514 3643 • Fax: 03-5512 7202 • Portal Rasmi: www.mais.gov.my

PERSATUAN WANITA ISLAM PRIHATIN (PWIP)

Oleh: Muhammad Syafiq Bin Ahmad Fozi (syafiq@mais.gov.my)

Penolong Pengurus Komunikasi Korporat, MAIS

Rujukan: <https://ms-my.facebook.com/pwipmalaysia>

Persatuan Wanita Islam Prihatin (PWIP) adalah merupakan sebuah Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) yang berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). PIWP bertindak membantu MAIS dalam menjalankan fungsinya dalam membina dan mengukuhkan institusi kekeluargaan yang menepati hukum syariat Islam di Negeri Selangor.

PIWP bergerak secara aktif dalam menyampaikan sumbangan kepada golongan sasarnya seperti asnaf fakir, miskin dan muallaf serta kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) dan pelajar. Kini, PWIP mempunyai serama 200 orang ahli yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Antara objektif utama penubuhannya PIWP ialah :

1. Menyumbang ke arah pembangunan status anak yatim dalam keluarga asnaf dan miskin, golongan ibu tunggal, ibu tanpa nikah dan muallaf serta yang kurang upaya dengan memberi aktiviti latihan, pendidikan serta kerja amal yang berkaitan dan sumbangan khairat kepada yang memerlukan.
2. Membantu fakir miskin dan masyarakat majmuk Malaysia dalam aktiviti seperti pembekalan makanan dan pakaian ketika perkara tidak diingini berlaku untuk masyarakat setempat.
3. Memberi sokongan moral dan material serta menyumbang ke arah membina akidah dan pengetahuan agama dalam golongan muallaf, ibu tanpa nikah, ibu tunggal dan orang tua serta kurang upaya daripada keluarga asnaf dan miskin.
4. Menghulurkan bantuan kewangan untuk aktiviti pembangunan modal insan dan infrastruktur untuk kehidupan sihat dan harmoni.

Selain itu, PWIP juga menjalankan aktiviti agihan sumbangan dan kebajikan yang memerlukan. Antara aktiviti tumpuan yang telah dilaksanakan oleh PWIP ialah membantu agihan sumbangan fidyah sebanyak 120 kotak fidyah, sumbangan kebajikan kepada fakir miskin dan anak-anak yatim dan termasuk infak setiap hari Jumaat yang dihantar ke masjid-masjid dan rumah tahniz sekitar Selangor, menganjurkan kelas-kelas agama secara berkala sama ada secara fizikal atau pun secara maya serta menyantuni masyarakat orang asli. **Edisi**



Sebarang pertanyaan atau pandangan berkaitan NGO*i*, sila hubungi Cik Amirah Addilah Binti Mohd Johari, Unit Pembangunan NGO-i, Bahagian Pendaftaran Muallaf dan PIBK, MAIS di talian **03-33614000** atau emelkan kepada jpngoimais@gmail.com.

Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



DYMM Sultan Selangor Berkenan Menerima Sumbangan MAIS Berjumlah RM30 Ribu

OKTOBER 2022 – DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj berkenan menerima sumbangan berjumlah RM30 ribu dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk disalurkan kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 1 Oktober 2022.

[Edisi](#)



Pendaftaran Syahadah Itu Mudah

NOVEMBER 2022 – Alhamdulillah, pagi tadi menyaksikan pengislaman seorang kanak-kanak berbangsa India berumur 11 tahun yang berminat mendalamai agama Islam. Syukur ke hadrat illahi, urusan pengislaman dibuat di Pusat Informasi Islam MAIS dapat disegerakan dengan mudah. [Edisi](#)



Baitul Islah Anjur Hari AIDS Sedunia Dengan Kerjasama PENGASIH Selangor

DISEMBER 2022 – Pusat Pemulihan Baitul Islah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dengan kerjasama PENGASIH Selangor telah menganjurkan Majlis Hari AIDS Sedunia 2022. [Edisi](#)



Pelatih-Pelatih Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan Diberi Penghargaan

OKTOBER 2022 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) akan terus memperkenalkan program yang dapat memberi manfaat kepada golongan asnaf riqab antaranya adalah pelatih-pelatih di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan. [Edisi](#)

Agihan Fidyah MAIS RM42,960.00 Diagih Kepada 358 Penerima Yang Layak

NOVEMBER 2022 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengagihkan kutipan fidyah berjumlah RM42,960.00 kepada golongan penerima yang memerlukan. Terdapat 19 tempat agihan iaitu di Daerah Petaling dan Klang dengan jumlah 358 orang penerima barang kotak makanan kering dengan nilai RM42,960.00 yang layak menerima bantuan fidyah MAIS. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Mufti Negeri Selangor



Semakan Arah kiblat di Tanah Perkuburan Islam, Kg. Kanchong Tengah, Banting, Selangor

OKTOBER 2022 – Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah membuat semakan arah kiblat di Tanah Perkuburan Islam, Kg. Kanchong Tengah, Banting, Selangor. Penentuan arah kiblat dilakukan dengan bantuan peralatan teodolit berdasarkan data-data matahari sebagai tanda rujukan. [Edisi](#)



Cerapan Sabit Muda Rabi'ul Akhir di Menara Kuala Lumpur

OKTOBER 2022 – Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengikuti cerapan sabit muda Rabi'ul Akhir di Menara Kuala Lumpur bersama-sama pegawai Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Negeri Sembilan dan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. [Edisi](#)



Program Cerapan Gerhana Bulan Penuh pada 8 November 2022 di Tanjung Labian, Sabah

NOVEMBER 2022 – Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menyertai Program Cerapan Gerhana Bulan Penuh pada 8 November 2022 di Tanjung Labian, Sabah anjuran Jabatan Mufti Negeri Sabah, Sekolah Kebangsaan Tanjung Labian, Sabah dan Dark Sky Malaysia. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor



300 Sertai Seminar Kefahaman Undang-Undang Syariah Siri 4 Zon Kuala Selangor & Sabak Bernam

OKTOBER 2022 – Seminar Kefahaman Syariah Undang-Undang Siri 4 yang membawa topik Poligami, Antara Wajib dan Sunnah disertai hampir 300 orang peserta bertempat di Dewan Raja Lumu disini. Seminar yang dirasmikan oleh YAA Dato' Mohammad Adib Bin Husain, Ketua Hakim Syarie Selangor ini merupakan anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) bersama Lembaga Zakat Selangor dan Persatuan Pegawai Syariah Malaysia. [Edisi](#)

JAKESS Turun Padang Raikan Pelajar IPT Perundangan Syariah Dalam Program Kolokium Prospek Kerjaya

DISEMBER 2022 - 150 peserta menyertai program Kolokium Prospek Kerjaya Dalam Bidang Perundangan dan Kehakiman Syariah Bersama Pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) Tahun 2022 bertempat di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi, pada Sabtu. [Edisi](#)



JAKESS Mengadakan Persidangan Komuniti Sulh & Rakan Sokongan Keluarga Serta Pelancaran Aplikasi E-Naf

DISEMBER 2022 – Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) melancarkan sistem pengiraan digital penentuan jumlah kadar nafkah anak, E-Naf dalam program Persidangan Komuniti Sulh & Rakan Sokongan Keluarga (BSK) Negeri Selangor Tahun 2022 bertempat di Hotel Mardhiyyah, Shah Alam. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Agama Islam Selangor



Sumber : Lembaga Zakat Selangor



Sumber : Perbadanan Wakaf Selangor



Majlis Perasmian Masjid Raja Lumu, Pekan Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan

OKTOBER 2022 – DYMM Sultan Selangor turut berkenan merasmikan masjid ini dengan nama Masjid Raja Lumu dan mengiktiraf masjid ini sebagai Masjid Diraja yang ke-sembilan di Negeri Selangor. [Edisi](#)



Selangor Juara Keseluruhan Sukan Ijtimak Perdana Agensi Agama Seluruh Malaysia (IJPAM) Tahun 2022

NOVEMBER 2022 – Selangor telah menujuri Sukan Ijtimak Perdana Agensi Agama Seluruh Malaysia (IJPAM) bagi Tahun 2022 anjuran JAKIM. Kontijen dari JAIS diwakili oleh 163 orang kakitangan yang berjaya menyahut cabaran sukan pada tahun ini dan 8 buah acara telah dipertandingkan iaitu Bola Sepak, Badminton, Sepak Takraw, Pingpong, Bola Tampar, Bola Jaring, Bowling dan Fun Run (5km). [Edisi](#)



Konvensyen Tahfiz Peringkat Kebangsaan Kali Ke-6 Tahun 2022

DISEMBER 2022 – Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah berjaya melaksanakan Konvensyen Tahfiz Peringkat Kebangsaan Kali Ke-6 Tahun 2022 yang bertemakan “Guru Tahfiz Murobbi”. [Edisi](#)



Sumber : Lembaga Zakat Selangor

LZS Raikan Anak-Anak Yatim Rumah Kasih Harmoni

OKTOBER 2022 – Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengadakan program tanggungjawab zakat dengan meraikan 130 orang penghuni di Rumah Kasih Harmoni, Paya Jaras baru-baru ini. [Edisi](#)



LZS Hargai Penolong Amil Selangor

NOVEMBER 2022 – Lembaga Zakat Selangor meraikan 200 penolong amil yang telah memberi komitmen dan sumbangan dalam memudahkan pengeluar zakat serta menyantuni golongan asnaf di Majlis Anugerah Ketua dan Penolong Amil Negeri Selangor 2021. [Edisi](#)



Perbadanan Wakaf Selangor Penuhi Jemputan Majlis Agama Islam Negeri Johor

NOVEMBER 2022 – Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah dijemput untuk memberikan taklimat mengenai Pembangunan Tanah Wakaf dalam Kursus Pemeriksaan Tanah Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) yang dianjurkan oleh Bahagian Wakaf MAINJ bertempat di Millesime Hotel Iskandar Puteri, Johor. [Edisi](#)



Sumber : Kolej Universiti Islam
Antarabangsa Selangor



KUIS dinaik taraf menjadi Universiti Islam Selangor

OKTOBER 2022 - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berkenan terima mengadap Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Jaafar bagi mempersembahkan watikah rasmi naik taraf Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor sebagai Universiti Islam Selangor (UIS) di Istana Bukit Kayangan Shah Alam. [Edisi](#)



Majlis Penganugerahan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC)

NOVEMBER 2022 - Telah berlangsung Majlis Penganugerahan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) bertempat di Dewan Senat UIS. Sesi penyampaian 3 kategori anugerah telah disempurnakan oleh YBhg Prof Madya Dato Dr Mohd Farid Ravi Abdullah, Rektor UIS kepada 49 penerima anugerah. [Edisi](#)



Program Agihan Makan Inisiatif KUIS Bantu Pelajar Asnaf

DISEMBER 2022 - Yayasan KUIS dengan kerjasama Pusat Zakat Wakaf KUIS, Masjid Al Azhar dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUIS telah menjalankan Aktiviti Agihan Makanan bagi Program Dapur Pelajar Asnaf. [Edisi](#)



Sumber : Yayasan Islam
Darul Ehsan



Ziarah Prihatin Pengerusi YIDE Di Pertubuhan Kebajikan Dan Perlindungan Nur Qaseh

OKTOBER 2022 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) meneruskan agenda Bulan Anak Yatim dengan memulakan Program Ziarah Prihatin YIDE ke Rumah Kebajikan Anak Yatim seliaan YIDE. Tan Sri Mazlan bin Mansor, Pengerusi YIDE dan diiringi oleh Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE turun padang berjumpa dengan anak anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan Dan Perlindungan Nur Qaseh. [Edisi](#)



YIDE Segera Bantu 32 Keluarga Mangsa Banjir

NOVEMBER 2022 - Skuad Prihatin YIDE turun padang menyantuni 32 Keluarga melibatkan 147 mangsa banjir di SK Johan Setia, Klang. [Edisi](#)



YIDE Serahkan Bantuan Segera Kepada Dua Beradik Yatim Piatu

DISEMBER 2022 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah turun padang menyantuni dua beradik yatim piatu dengan menyerahkan Bantuan Segera Anak Yatim Negeri Selangor bagi meringankan beban mereka. [Edisi](#)



JOM BERBAHASA ARAB MUDAH! (Siri 4)

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Assalamu'laikum semua pembaca setia Edisi MAIS. Semoga sihat dan ceria. Bagaimana dengan penggunaan kalimah Arab sebelum ini? Semoga telah diperaktikkan.

Pada kali ini kita akan memperkenalkan kalimah mengenai waktu dan hari.

| | | |
|------------------------------|----------------------|-------------------|
| Maaf, pukul berapa sekarang? | Afwan, kam as-sa'ah? | عفواً، كم الساعة؟ |
|------------------------------|----------------------|-------------------|

Jawapannya:

| | | |
|------------------------|-----------------------------------|--|
| Pukul satu pagi | Innaha al-wahidah sobahan | إِنَّهَا الْوَاحِدَةُ صَبَاحًا |
| Pukul tujuh pagi | Innaha al-sabi'ah sobahan | إِنَّهَا السَّابِعَةُ صَبَاحًا |
| Pukul sembilan pagi | Innaha al-tasia'h sobahan | إِنَّهَا التَّاسِعَةُ صَبَاحًا |
| Pukul satu tengah hari | Innaha al-wahidah ba'da az-zuhur | إِنَّهَا الْوَاحِدَةُ بَعْدَ الظَّهَرِ |
| Pukul tiga petang | Innaha al-salisah ba'da al-zuhur | إِنَّهَا التَّالِثَةُ بَعْدَ الظَّهَرِ |
| Pukul lima petang | Innaha al-khamisah ba'da al-zuhur | إِنَّهَا الْخَامِسَةُ بَعْدَ الظَّهَرِ |
| Pukul tujuh malam | Innaha al-sabi'ah masa-an | إِنَّهَا السَّابِعَةُ مَسَاءً |
| Pukul sepuluh malam | Innaha al-'isyarati lailan | إِنَّهَا الْعَاشِرَةُ لَيَلًا |

Mari kita belajar tentang hari pula.

| | | |
|--------------------|--------------------|---------------------|
| Hari ini hari apa? | Ayyu yaumin ha za? | أَيُّ يَوْمٍ هَذَا؟ |
|--------------------|--------------------|---------------------|

Jawapannya:

| | | |
|-------------|------------------|-----------------------|
| Hari Ahad | Yaumu al-ahad | يَوْمُ الْأَحَدِ |
| Hari Isnin | Yaumu al-isnin | يَوْمُ الإِثْنَيْنِ |
| Hari Selasa | Yaumu al-salasa' | يَوْمُ الثَّلَاثَاءِ |
| Hari Rabu | Yaumu al-arbia' | يَوْمُ الْأَرْبَعَاءِ |
| Hari Khamis | Yaumu al-khamis | يَوْمُ الْخَمِيسِ |
| Hari Jumaat | Yaumu al-Jumu'ah | يَوْمُ الْجُمُعَةِ |
| Hari Sabtu | Yaumu al-sabt | يَوْمُ السَّبْتِ |

Mari tanya ini pula.

| | | |
|---------------------------|-----------------------------|----------------------|
| Bagaimana cuaca hari ini? | Kaifa hal al-taqsu al-yaum? | كيف حال الطقس اليوم؟ |
|---------------------------|-----------------------------|----------------------|

Jawapan:

| | | |
|----------------------|---------------------------|------------------|
| Cuaca hari ini cerah | Al-taqsu al-yaum musymisa | الطقس اليوم مشمس |
| Cuaca hari ini hujan | Al-taqsu al-yaum mumtira | الطقس اليوم ممطر |

Wallahu'lam. **Edisi**

SIRI BELAJAR JAWI (SIRI KETIGA PULUH SATU)

أوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن
منشي ديوان (جاوي)

KAEDAH PENULISAN JAWI PADA KATA PINJAMAN BAHASA ARAB (KATA UNGKAPAN ASING)

Pada minggu ini kita masih membicarakan perihal kata pinjaman Bahasa Arab. Tajuk minggu ini ialah berkaitan kata umum dari Bahasa Arab. Cara dan ciri pengejaan sedikit berbeza dengan kata istilah Bahasa Arab.

Ciri-ciri ejaan istilah kata umum Bahasa Arab:

- Kata umum dari Bahasa sumber (Bahasa Arab) dieja mengikut sebutan orang Melayu. Contohnya :

| Rumi | Asal Ejaan Arab | Ejaan jawi yang telah dimelayukan |
|---------|-----------------|-----------------------------------|
| kertas | قرطاس | كرتس |
| sabu | صابون | سابون |
| istilah | اصطلاح | ايستيله |
| lahir | ظاهير | لاهير |

- Kata umum ejaan homograf Bahasa Arab di letakkan huruf vokal pada ejaan jawi bagi mengelakkan salah baca.

| Ejaan asal | Kekeliruan bacaan | Ejaan jawi yang telah dimelayukan | Penambahan vokal |
|------------|-------------------|-----------------------------------|---|
| محرم | mahram | محرم | Penambahan vokal "ي" untuk perkataan muhram |
| | muhrim | محريم | |

| | | | |
|-----|------|-------|---|
| عال | alam | عال | Penambahan vokal "ي" untuk perkataan alim |
| | alim | عاليم | |

| | | | |
|----|-------|------|--|
| تل | salji | تلجي | Penambahan vokal "ي" untuk perkataan salji dan vokal "و" untuk perkataan salju |
| | salju | تلجو | |

Edisi



Wang Tidak Patuh Syariah dan Pelaburan Patuh Syariah

Oleh: Shahru Effendy bin Md Saat (fendy@mais.gov.my)
Eksekutif Perhubungan Awam & Khidmat Pelanggan, MAIS

Kelekaan umat Islam kini dalam mencari pendapatan, memungkinkan wujudnya percampuran rezeki daripada sumber yang halal dan haram. Kebanyakan sumber tersebut pula tidak dipastikan statusnya dengan jelas.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berperanan dalam menguruskan Wang Tidak Patuh Syariah (WTPS) terutamanya mengurus harta secara bijaksana berdasarkan hukum syarak.

WTPS adalah wang atau harta diperoleh daripada sumber haram seperti transaksi riba, hasil jualan barang curi, duit rasuah, hasil rompakan, duit loteri dan perlindungan insurans konvensional.

Hal ini selaras sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 7, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 iaitu, "maka hendaklah menjadi kewajipan majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam negeri Selangor selaras dengan hukum syarak".

MAIS mengajak orang ramai supaya membersihkan harta yang diperoleh agar kehidupan yang dilalui penuh dengan keberkatan melalui <http://fpx.mais.gov.my/epay/syubhah.php>.

PNB DAN PELABURAN PATUH SYARIAH

Hal ini berbeza dengan peranan Permodalan Nasional Berhad (PNB), sebuah firma pelaburan yang menawarkan perkhidmatan pelaburan patuh syariah sepenuhnya.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada tahun 2008 juga telah memutuskan hukum melabur dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Nasional (ASN) adalah harus.

Kemudian pada tahun 2017, pelaburan dalam unit amanah yang ditawarkan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) iaitu syarikat pengurusan unit amanah milik penuh PNB itu difatwakan sebagai harus oleh kesemua Majlis Fatwa di seluruh negara termasuk Selangor dan Pulau Pinang.

Wartawan EDISI baru-baru ini berpeluang mengikuti sesi temu bual bersama **Ketua Pengurusan Syariah PNB, Dr. Ahmad Basri Ibrahim** yang berkongsi maklumat, bagaimana ASNB mencapai status patuh syariah.

EDISI: Apa status unit amanah yang ditawarkan ASNB setakat ini? Adakah kesemuanya patuh syariah?

Ahmad Basri: Ya. Kesemuanya patuh syariah berdasarkan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan dan Majlis Fatwa di semua 14 negeri telah memfatwakan hukum melabur dalam ASNB adalah harus.



Bagaimana PNB memantau urusan pelaburan dalam ASNB?

PNB mempunyai Panel Penasihat Syariah (PPS) sendiri seperti yang disarankan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan yang bertanggungjawab memberi nasihat dan pandangan serta memantau urusan berkaitan pelaburan tabung unit amanah ASNB, supaya ia mematuhi syariah.

MAIS menguruskan penerimaan WTPS, bagaimana pula kaedah atau cara PNB menguruskan WTPS?

PNB bukan milik individu tetapi ia adalah syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC). PPS berpandangan dan membuat keputusan bahawa apa-apa WTPS diasingkan dan digunakan untuk program Corporate Social Responsibility (CSR) yang diuruskan oleh PNB.

Bagaimana PNB menggalakkan kesedaran kepada masyarakat untuk membuat pelaburan di PNB?

PNB menggalakkan masyarakat untuk membuat pelaburan adalah dengan menganjurkan program-program kesedaran terutama tentang celik kewangan sepanjang tahun. Bagi celik kewangan Islam pula, kami membuat program khusus 'Bicara Maqasid' bagi memberikan kefahaman kepada orang ramai tentang bentuk-bentuk pelaburan Islam dan usaha-usaha yang telah dan sedang dilakukan oleh PNB untuk menambah baik pelaburan patuh syariah di PNB.

Adakah PNB berpuas hati dengan tahap pematuhan syariah yang dicapai sekarang?

Kami sentiasa berusaha untuk menjadi lebih baik dan untuk tahun 2021, 76.6 peratus daripada AUM PNB dilaburkan dalam instrumen patuh syariah mengatasi sasaran sebanyak 75.5 peratus pada tahun lepas.

Antara faktor yang meningkatkan paras ini ialah pertambahan pelaburan PNB di luar negara yang mana sebahagian besarnya adalah patuh syariah. Bagi pelaburan saham di luar negara, kepatuhan syariahnya adalah berdasarkan penyedia indeks Islam global seperti *MSCI ACWI Islamic*, *DJIM World Index* dan lain-lain. **Edisi**

APA ITU AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH?

Oleh: Mohammad Salleh Bin Abdul Saha (salleh@mais.gov.my)
Ketua Bahagian Dakwah dan Pemasaran, MAIS

Islam adalah agama Allah yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW dan ia adalah agama yang bersulamkan keimanan dan perbuatan (amal). Keimanan itu merupakan akidah dan pokok yang di atasnya berdiri syariat Islam.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-An'am ayat 116 yg bermaksud: “Jika engkau menuruti kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkan engkau daripada jalan Allah, mereka tidak lain hanyalah menurut sangkaan semata-mata dan mereka tidak lain hanyalah berdusta”. (Al-An'am: 116)

Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan pegangan yang dominan di kalangan masyarakat Islam hampir di seluruh dunia khususnya di rantau Asia Tenggara termasuk di negara Malaysia dan di antara negara yang menjadikan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai pegangan rasmi masyarakat Islam di negara ini berdasarkan keputusan dan pengamalan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan para mufti serta ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah menetapkan bahawa “Umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak”. Istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah berasal daripada dua patah perkataan iaitu “ahl al-Sunnah” dan

“al-Jamaah” yang memberi maksud golongan yang mengikuti pegangan Nabi Muhammad s.a.w atau mengikuti jalan hidup Baginda s.a.w dan jamaah para sahabat terutamanya para khulafa’ alRasyidin yang dididik oleh Baginda s.a.w. Ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah meliputi ajaran-ajaran Islam mengenai akidah, syariah dan akhlak yang dibawa semenjak zaman Nabi s.a.w serta para sahabat Baginda s.a.w.

Istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah diambil dan dirumus oleh ulama berdasarkan riwayat hadis. Daripada Abdullah bin Amr R.A bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: “Sesungguhnya telah berpecah Bani Israil kepada tujuh puluh dua (72) kelompok. Manakala umatku akan berpecah kepada tujuh puluh tiga (73) kelompok di mana kesemuanya akan ke neraka kecuali satu (1) kelompok. Mereka bertanya: Siapakah mereka itu wahai Rasulullah? Baginda s.a.w menjawab: Mereka adalah golongan yang berpegang kepada ajaranku dan para sahabatku”. (Riwayat at-Tirmidzi). Berdasarkan riwayat hadis tersebut dan riwayat-riwayat lain yang seerti dengannya, para ulama telah membuat kesimpulan bahawa maksud mereka yang mengikut sunnah Rasul dan para sahabat ialah golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah satu pegangan yang berakar umbi dari ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w dan para sahabat Baginda. Kemudian, disusun dengan lebih bersistem dan teguh oleh dua tokoh imam Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu Imam Abu al-Hassan al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi.

Antara ciri-ciri pegangan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah:

- 1 Berpegang dan mentafsirkan hukum-hukum Islam berdasarkan kepada sumber perundungan utama iaitu al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qias tanpa menolak atau mengurangkan peranan salah satu darinya.
- 2 Berpegang kepada ajaran Islam yang meliputi perkara mengenai Iman iaitu akidah, Islam iaitu syarak dan Ihsan iaitu akhlak.
- 3 Berpegang kepada al-Quran yang dihimpunkan oleh para sahabat terutamanya al-Quran yang dikenali sebagai Mashaf Uthmani serta berpegang kepada al-Sunnah terutamanya hadis-hadis yang dihimpunkan oleh imam-imam besar hadis seperti Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Tirmidzi, Imam Abu Daud, Imam anNasa'ie, Imam Ibnu Majah dan imam-imam lain yang diiktiraf.
- 4 Berkepercayaan bahawa para sahabat kesemua bersikap benar dan adil tanpa mengkufurkan salah seorang dari mereka. Terutamanya, para khulafa’ alRasyidin iaitu Saidina Abu Bakar as-Siddiq R.A, Saidina Umar al-Khattab R.A, Saidina Uthman bin 'Affan R.A dan Saidina Ali bin Abi Talib R.A.
- 5 Percaya dan beriman kepada perkara ghaib terutamanya yang sabit melalui al-Quran dan al-Sunnah seperti sekasan azab kubur, pembalasan syurga, neraka dan sebagainya.
- 6 Tidak mengkufurkan saudara se-Islam atau yang berkiblatkan Kaabah (ahl al-Qiblah) dengan mudah kecuali dengan pertimbangan ilmu atau hujjah yang kuat dan sikap yang adil.

Oleh itu, sebarang usaha untuk memasukkan ajaran dan fahaman yang berlainan daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah dan berlainan daripada pengamalan biasa masyarakat Islam di negara ini dibimbangi akan memecahbelahkan masyarakat, mengacau-bilaukan kestabilan serta keharmonian negara.

Sebarang ajaran, fahaman, pegangan atau ideologi yang bercanggah dan menyeleweng daripada Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah hendaklah dicegah dan dijauhi sebagaimana yang difatwakan oleh Jabatan Mufti negeri-negeri seluruh Malaysia. Segala ajaran dan fahaman baru yang mengelirukan perlulah dirujuk kepada Jabatan Mufti negeri-negeri dan para alim ulama bertauliah serta institusi-institusi Islam yang diiktiraf oleh pihak berkuasa. **Edisi**

BILA PENGKID TUNAI UMRAH...

Oleh: Halim bin Mokhtar (halim@kuis.edu.my)

Jabatan Dakwah dan Usuluddin Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Negara digemparkan dengan tindakan seorang wanita menyerupai lelaki (pengkid) dengan beraninya mengerjakan ibadah umrah dengan berpakaian ihram seperti seorang lelaki seolah-olah berniat mencabar dan menimbulkan provokasi. Pendedahan yang menggemparkan umat Islam negara ini seperti mengulangi kes Sajat yang memakai teleung ketika berziarah di Madinah dan umrah di Mekah awal 2020 lalu.

Perkara ini telah memberikan berbagai reaksi masyarakat Islam dengan lambakan kritikan, kecaman dan komen yang negatif namun begitu ada juga yang menitipkan doa agar diberikan petunjuk dan menginsafi perbuatan tersebut. Apakah tindakan yang sewajarnya terhadap pengid ini? Berasaskan pandangan yang diberikan oleh Pihak Kerajaan, Jabatan Agama Islam, dan ahli akademik serta masyarakat awam beberapa solusi disenaraikan dalam menyantuni isu ini antaranya:

1 KAWALAN DAN PENGUATKUASAAN. Mekanisme ini perlu diperkasakan bagi memastikan insiden seperti ini tidak akan berlaku dan berulang lagi pada masa akan datang. Apa yang jelas ialah hukum wanita menyerupai lelaki atau sebaliknya adalah berdosa dan dilaknat Allah SWT serta tidak mendapat rahmat daripada Allah SWT.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “*Rasulullah SAW telah melaknat orang lelaki yang menyerupai perempuan dan orang yang menyerupai kaum lelaki daripada kalangan perempuan.*” (Riwayat al-Bukhari)

Tindakan menunaikan ibadah umrah dengan menyerupai lelaki adalah satu penghinaan dan mencabar kesucian agama Islam maka sepatutnya didakwa mengikut perundungan yang ada dan wajar didakwa atas kesalahan menghina agama Islam. Lebih mendukacitakan bila ia dilakukan di hadapan Kaabah.

Kawalan dan pemantauan yang lebih ketat melalui syarikat pengurusan umrah boleh diperkemaskan begitu juga melalui visa pelancong individu.

2 TANGGUNGJAWAB KELUARGA DAN KOMUNITI. Banyak kajian membincangkan faktor-faktor penyebab dan pendorong terjadinya keceliaran gender. “Istilah keceliaran jantina “*Gender Identity Disorder (GID)*” atau *Gender Dysphoria (GD)* yang ditakrifkan sebagai keceliaran gender atau ketidakwarasan gender menunjukkan kumpulan ini mempunyai konflik dalaman diri yang perlu ditangani secara komprehensif tidak sekadar membabitkan tindakan perundungan tetapi sebaliknya secara pendidikan, bimbingan berterusan, bantuan dan rawatan.

Faktor persekitaran dan pembudayaan dari keluarga, komuniti dan media masa menyebabkan golongan ini tidak kuat untuk



menentang arus yang melanda. Oleh itu, institusi kekeluargaan merupakan agen primer dalam proses memasyarakatkan perlu diperkuatkannya kerana ibu bapa sepatutnya berusaha memainkan peranan mereka dengan baik untuk memastikan anak-anak mendapat kasih sayang, pendidikan dan perhatian yang secukupnya supaya tidak mudah terpengaruh dengan budaya yang tidak bermoral.

Ibu bapa boleh menekankan peranan gender sejak dari kecil lagi dan memandu anak-anak mengikut fitrah kejadian manusia yang direhdai Allah. Disamping itu, rakan sebaya dikenalpasti mempunyai pengaruh yang kuat terhadap proses pembentukan akhlak. Begitu juga peranan komuniti sangat penting dalam membentuk dan mempengaruhi perkembangan Jasmani, emosi, rohani dan intelek,

Penglibatan komuniti masjid dan surau sangat diharapkan di dalam mendampingi individu seumpama ini supaya sistem sokongan yang lebih besar akan membentuk jaringan keselamatan akhlak lebih kukuh dan berterusan.

3 KESEPADUAN DAKWAH DAN BIMBINGAN. Aspek dakwah dan bimbingan juga perlu diperkasakan kepada setiap individu yang mempunyai keceliaran jantina. Antara faktor yang mendorong gejala ini ialah kurangnya penghayatan agama dan keimanan yang menjadi benteng yang kukuh dalam mengawal hawa nafsu serta dapat mendidik manusia untuk membezakan perkara baik dan buruk.

Peranan Bahagian Pemulihan Ar-Riqab MAIS dan para Pendakwah adalah sangat penting untuk memberikan sokongan dan dokongan bagi tujuan pendidikan dan bimbingan untuk mengerakkan ejen dakwah sama ada kumpulan daie, sukarelawan dan rangkaian pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam bagi menyantuni isu keceliaran gender ini secara kolektif.

Dr. Abdullah Nasih ‘Ulwan berkata “Pemuda-pemudi kita telah dilanda gelombang penyerupaan dan ikutan membabi buta. Justeru, semestinya tanggungjawab terhadap pendidik merawat penyakit ini dengan cara yang baik.”

Kesimpulannya setiap individu muslim mesti berasa sensitif terhadap isu ini kerana tindakan keceliaran gender ini secara terang-terangan mempersendakan ibadah umrah dan mencabar kesucian ajaran Islam serta mencemar imej baik negara. Bersama kita berdoa semoga Allah SWT mengurniakan petunjuk dan hidayah kepada mereka yang terlibat dengan sindrom keceliaran gender ini untuk segera kembali ke pangkal jalan dan menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna dan syamil. #Islamalahcarahidup. **Edisi**



Tunaikan **KEWAJIPAN FIDYAH** melalui Majlis Agama Islam Selangor

Sedar atau tidak, Bulan Ramadhan semakin hampir dengan kita

Mereka yang melambatkan ganti puasanya hingga telah melangkah tahun yang berikutnya (bulan Ramadhan), **dikenakan denda membayar fidyah dan juga wajib menggantikan (qada') puasa yang ditinggalkan.**

Bayaran fidyah boleh dibuat secara atas talian melalui e-MAIS di <http://fpx.mais.gov.my/epay/fidyah.php> atau di **kaunter Baitulmal MAIS** atau **Baitulmal Daerah** yang terdapat di Pejabat Agama Islam Daerah dalam Negeri Selangor secara tunai atau melalui cek/pos berdaftar atas nama **MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**.

Untuk maklumat lanjut sila layari www.mais.gov.my



MAIS MENCARI WARIS



Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) di bawah tindakan Sektor Baitulmal, sedang mencari ahli waris kepada **ALLAHYARHAMAH HALIMAH BINTI NGAH** (Simati) iaitu penama seperti di bawah untuk membantu menyelesaikan isu berkaitan harta pusaka yang tertangguh:-

RAMLI BIN HARUN (Anak Lelaki)

Sekiranya ada maklumat berkaitan penama di atas sila hubungi pihak kami di alamat:

Bahagian Harta Baitulmal
Sektor Baitulmal, Tingkat 9 & 10
Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.



Tel: **03-5514 3745/ 03-5514 3773**



019-2661 404



EDISI مايس

www.mais.gov.my

Bayaran **ZAKAT PENDAPATAN**
secara **BULANAN** kini lebih mudah
melalui **DIRECT DEBIT**

✓ Terjamin ✓ Termudah ✓ Terurus

01



Anda hanya perlu mengimbas kod QR atau layari <https://www.zakatselangor.com.my/directdebit/>

02

Lengkapkan borang ansuran zakat bulanan melalui **direct debit**.

03

Baca terma & syarat yang dinyatakan dan **klik daftar sekarang**.



www.zakatselangor.com.my



zakatselangor



zakatTV@youtube



Setinggi-tinggi

TAHNIAH



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

الكلية الجامعية الإسلامية سلاجور

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

ANAK SYARIKAT
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Dinaik Taraf Sebagai

UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (UIS)



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



maisgovmy

www.mais.gov.my

VIRAL KINI:
BILA PENGKID
TUNAI
UMRAH...

Ms 18